

→ MYRUMAH



Orang ramai mendengar penerangan ketika mengunjungi ruang pameran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), semalam.

Tiga konsep tulang belakang ekspo

➔ NSTP bergerak ikut platform pameran, pendidikan, hiburan sedia liputan terbaik

Oleh Nurhayati Abillah dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Konsep Pameran, Pendidikan dan Hiburan menjadi tulang belakang ekspo MyRumah 2017 anjuran The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid, berkata NSTP sebagai penganjur utama MyRumah akan bergerak mengikut tiga konsep berkenaan bagi menyediakan liputan terbaik kepada pemaaju pempamer.

Menerusi MyRumah, katanya, pemaaju berkenaan diberi platform untuk meningkatkan kesedaran dan publisiti projek perumahan masing-masing.

"Pengunjung dan pembeli berpotensi bukan saja mendapat peluang melihat pelbagai model dan reka bentuk rumah, malah boleh melihat kemudahan ditawarkan berdekatan kawasan dimahukan.

"Mereka boleh mendapat nasihat dan maklumat mengenai skim kewangan ditawarkan bank.

Penuhi impian miliki rumah

"Ia membantu mereka memenuhi impian membeli rumah mengikut bajet sesuai," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran MyRumah 2017 edisi keempat yang disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara,

K N Jayaselan; Ketua Pegawai Komersial NSTP, Alfian Abu Talib; dan Pengarah Eksekutif (Berita, Rencana dan Digital) BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Abdul Jalil berkata, elemen paling ketara dalam penganjuran MyRumah ialah pendidikan mengenai perumahan yang diketengahkan dalam forum khas sepanjang penganjuran MyRumah 2017.

19 pakar perumahan kongsi pengetahuan

"Seramai 19 pakar perumahan akan berkongsi pengetahuan menarik membabitkan isu hartanah, undang-undang, cukai, strategi sewaan, reka bentuk dalaman dan tips serta strategi dan peluang melabur dalam pasaran hartanah.

"Elemen hiburan dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak seperti pertandingan mewarna dan sesi permainan dianjurkan khas oleh MyRumah," katanya.

MyRumah siri keempat berlangsung di The Curve, Mutiara Damansara, di sini selama tiga hari bermula semalam.

Ia dibuka secara percuma bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Tiga siri MyRumah yang diadakan sebelum ini di Bangsar, Johor Bahru dan Alor Setar menarik 15,000 pengunjung dengan 67 unit hartanah terjual bernilai RM30 juta.

MyRumah kali ini yang menawarkan lebih 3,500 unit rumah membabitkan masing-masing tujuh syarikat pemaaju dan agensi lain seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional serta Amanah Raya Berhad dan Bank Muamalat.

Info

Program MyRumah hari ini

→ **11 pagi:** Forum Lepro ProTech 3: Menambah nilai hartanah anda melalui teknologi

→ **12 tengah hari:** GRAB: Jadi pemandu Grab untuk menambah pendapatan

→ **1 petang:** Profesor Max



Noh diiringi Abdul Jalil bersama pemaaju yang mengambil bahagian selepas merasmikan majlis pelancaran MyRumah 2017 edisi keempat di Petaling Jaya, semalam.



Orang ramai meneliti risalah yang disediakan pemaaju ketika mengunjungi pameran MyRumah.



myrumah
2017 • PAMERAN HARTANAH
6-8 OKTOBER 2017
10.00 PAGI - 10.00 MALAM
THE CURVE, MUTIARA DAMANSARA